



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA  
BENGKEL HALA TUJU MITRA**

**TARIKH:  
20 MAC 2024**

**LOKASI:  
DEWAN DAMAR SARI**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

## **SALUTASI**

**\*disediakan secara berasingan**

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, saya mengalu-alukan kesemua pemegang taruh yang terdiri daripada **wakil agensi kerajaan, korporat, pihak swasta, pertubuhan agama, pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan belia** ke Bengkel Hala Tuju Unit Transformasi Masyarakat India (**MITRA**).
2. Manakala pada hari ketiga (22 Mac) bengkel ini juga akan disertai oleh pemimpin-pemimpin parti politik. Satu sesi libat urus juga akan diadakan bersama semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri berbangsa India pada 27 Mac di Parlimen Malaysia.
3. **Kaum India Malaysia merupakan kumpulan etnik minoriti kedua terbesar yang tinggal di Malaysia, merangkumi 7% daripada jumlah penduduk.** Komuniti India merupakan salah satu komponen utama yang membentuk masyarakat majmuk di Malaysia yang menjadi tunggak utama kepada pembangunan ekonomi negara, kepelbagaian budaya dan pembentukan identiti nasional.

4. Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara sentiasa akan memberikan perhatian khusus kepada pembangunan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat India di negara ini.

Hadirin yang dimuliakan sekalian,

### **SEJARAH MITRA**

5. Kerajaan telah melancarkan **Malaysian Indian Blueprint (MIB)** pada tahun 2017 dan Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (**SEDIC**) diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana MIB di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Skop tugas SEDIC berpandukan empat tonggak utama dalam MIB iaitu:

- o **Memenuhi Keperluan Asas;**
- o **Merealisasikan Potensi Setiap Kanak-Kanak;**
- o **Menambah-baik Kehidupan dan Kekayaan;**
- o **Meningkatkan Penyertaan Sosial**

6. Tahun 2018, SEDIC telah dijenamakan semula sebagai **Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA).**

**7. Pada Mac 2020, MITRA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan peruntukan geran pembangunan sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI) yang meliputi tiga skop iaitu:**

- o **Program Pembangunan Modal Insan;**
- o **Program Pembangunan Keusahawanan dan Kerjaya;**
- o **Program Pembangunan Sosial dan Kebajikan**

**8. Walau bagaimanapun, MITRA telah dipindahkan semula ke JPM pada September 2022, di mana peruntukan geran pembangunan PPSMI diurus oleh JPM.**

**9. Berikutan rombakan Kabinet pada Disember 2023, MITRA diletakkan semula di bawah KPN. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab atas hala tuju dan fokus MITRA maka bengkel ini telah diadakan bagi **membantu Kementerian merangka hala tuju jangka pendek, sederhana dan panjang MITRA.****  
Hadirin yang dihormati sekalian,

**HALA TUJU MITRA**

10. Oleh itu, Kementerian telah melantik firma perunding **PEMANDU** yang sememangnya pakar dalam menyediakan pelan transformasi, dasar dan pelan perancangan strategik bagi berkaitan polisi kerajaan. Oleh itu, firma perunding ini telah dilantik mengikut **tatacara kewangan kerajaan** iaitu **Pekeliling Kewangan 3.2** dengan menggunakan **peruntukan operasi Kementerian Perpaduan Negara**. Kesemua kos perbelanjaan bagi bengkel ini ditanggung sendiri oleh Kementerian **tanpa menggunakan peruntukan MITRA**.

11. Dalam hal ini, **peranan PEMANDU tertumpu kepada pelaksanaan kaji selidik, bengkel, sesi libat urus, syndication session, dan penyediaan laporan akhir** yang akan membantu Kementerian menetapkan hala tuju baharu bagi MITRA.

12. Pihak PEMANDU juga telah melakukan kajian terperinci berhubung **Malaysian Indian Blueprint 2017** dan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) 2021**. Antara kekangan pelaksanaan secara penuh PTMI sebelum ini adalah disebabkan limitasi oleh mandat MITRA. Oleh itu, pelaksanaan bengkel ini adalah untuk menyelaras semula perkara ini supaya ia dapat diselaraskan dengan mandat

MITRA sebagai agensi peneraju pembangunan sosioekonomi masyarakat India.

13. Untuk makluman, Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas (JPPK) MITRA sedia ada dijenamakan semula sebagai **Jawatankuasa Petugas Khas (JKPK)**. Kementerian juga telah bersetuju melantik **YB P. Prabakaran sebagai Pengerusi Jawatankuasa Petugas Khas (JKPK) MITRA**.

14. Sehubungan dengan itu, Kementerian sedang meneliti cadangan nama **empat (4) ahli-ahli lain yang terdiri daripada ahli akademik, korporat, NGO dan wakil pertubuhan agama** untuk dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa ini. Antara fungsi JKPK ini adalah:

- menasihati kementerian dalam memperhalusi dasar atau polisi berhubung fungsi MITRA
- menasihati kementerian dalam menentukan inisiatif/program pembangunan sosioekonomi masyarakat India selaras dengan hala tuju MITRA

15. Selain itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan dakwaan yang dikaitan dengan PEMANDU

akan menguruskan pengagihan bantuan kewangan MITRA. Perkara ini adalah sama sekali tidak benar kerana **kelulusan bantuan kewangan dan agihan peruntukan akan dibuat melalui Jawatankuasa Penilai KPN yang akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.**

16. Selain itu, agenda transformasi MITRA **memerlukan program-program yang berinovatif dan berimpak tinggi** bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat India.
17. Saya berharap agar bengkel ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi menetapkan dan menyelaras semula **Pelan Tindakan Masyarakat India supaya lebih realistik dan berfokus dalam menyelesaikan masalah masyarakat India.**
18. Saya yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak, lebih banyak pemacu perubahan atau **game changer** dapat diketengahkan melalui sesi bengkel ini bagi mencetus pemikiran baharu dalam usaha menyelesaian bagi masalah seperti isu kemiskinan, pengangguran, pendidikan, ekonomi, kebijakan dan kesejahteraan hidup.
19. Saya ingin juga menyatakan komitmen bahawa **Kementerian (Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa) akan memantau sepenuhnya pelaksanaan**

**strategik dan inisiatif yang dirancang bagi menambah baik kualiti hidup masyarakat India.**

20. Akhir sekali, melalui sinergi multi-sektoral ini, semua lapisan masyarakat memainkan peranan serta memikul tanggungjawab bersama-sama untuk memperkasa komuniti dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

**Dengan ini, saya merasmikan Bengkel Hala Tuju MITRA 2024.**

Sekian, Terima Kasih.